



**PEMAIN** Universiti Kebangsaan Malaysia keriang apabila menjuarai Kriket Antara Negeri sekali gus merangkul Perisai Raja-Raja apabila membenam Negeri Sembilan dalam perlawanan akhir di Bayuemas Oval, Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/NASIR YAZID

## UKM juara benam Negeri Sembilan dengan 132 larian

**KUALA LUMPUR 12 Mac** - Universiti Kebangsaan Malaysia memenangi kejuaraan Kriket Antara Negeri sekali gus merangkul Perisai Raja-Raja apabila membenam Negeri Sembilan dengan 132 larian dalam babak akhir di Bayuemas



Oval dekat sini hari ini.

Gandingan wicket pertama antara pembuka pukulan, Norhamizan Hamidon (70 larian) dan Azman Tajri (60) membawa kecemerlangan UKM bagi mengumpulkan 264-9 dalam peruntukan 50 over.

"Kami menjangkakan permulaan baik itu akan memudahkan laluan sebagai juara; ini terbukti," kata penyelaras UKM, Suhaimi Sulaiman.

Selepas sajian tengah hari, Negeri Sembilan kehilangan

wicket pertama pada kedudukan 32 dan seterusnya kehilangan tiga pemukul lagi sewaktu 36 larian.

"Kami terhenti pukulan sekatat 132. UKM berjaya meratah beberapa pemukul utama kami," kata pengurus Negeri Sembilan, Harith Shariff.

Yang Dipertua Persatuan Kriket Melayu Malaysia, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid turut sama menyaksikan perlawanan akhir kejohanan yang dianjurkan sejak tahun 1951.

### KRIKET MELAYU PERISAI RAJA-RAJA KEPUTUSAN

#### UKM KALAHKAN NEGERI SEMBILAN DENGAN 132 LARIAN.

**UKM** 264-9 (50 over) Norhamizan Hamidon 70, Azman Tajri 60, Che Wan Razlan Zalati 36, Noor Afif Saufee 30, Ainool Hafiz Yatim 12. Nik Azril Arifin 3-37, Faizshal Niaz-Lyn 2-29, Azwar Tajri 2-45.

**NEGERI SEMBILAN** 132 (45.1 over) Nik Azril Arifin 43, Faizshal Niaz-Lyn 23, Fendi Alias 18, Norharif Hamidon 11, Azwar Tajri 10. Amdam Wiliyoh 2-20, Nik Nabil Safwan Anuay 2-21, Amiruddin Azahar 2-22.

**PEMAIN TERBAIK BABAK AKHIR:** Norhamizan Hamidon (UKM).

**PENGADIL:** Ariffin Ramly (NS) & Bertle Alex James (NS).

Go-Tec Computers Sdn. Bhd.  
(177667-X)  
(Penggolongan Sukarela Para Ahli)

#### NOTIS MESYUARAT TERAKHIR

DENGAN NOTIS INI DIBERITAHU bahawa mengikut Seksyen 459 Akta Syarikat 2016 (Bab 777) Mesyuarat Terakhir Syarikat akan diadakan di 26A Jalan Serampang, 80050 Johor Bahru pada 10 April 2017 jam 11:30 petang untuk tujuan berikut:  
Membenarkan akaun dalam mesyuarat yang menunjukkan bagaimana pembubaran tersebut telah dijalankan dan harta benda Syarikat dipisahkan serta mendengar sebarang penentangan oleh Perisai Rajaan.  
Bertarih 9 Mac 2017  
Teoh Lye Hui, Perisai Rajaan